

# PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN ISLAM PRASEKOLAH DALAM RANGKA PEMBANGUNAN TAMADUN UMMAH

Sofiah Mohamed  
Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Mohamed, S. & Jasmi, K. A. (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Prasekolah dalam Rangka Pembangunan Tamadun Ummah. *Sains Humanika*. 8(3-2) (2006), p. 21-28, eISSN: 2289– 6996.

## SINOPSIS

This aim of the research to explore the knowledge of Islamic education preschool teacher's about the development of preschool children and to determine the implementation of that knowledge in teaching and learning. This study is a qualitative case study approach with the main instrument is observation methods. These observation data triangulate with interviews and document analysis data. Selection of study participants using purposeful sampling aimed those who experienced the pre-school teaching for more than three years, have participated in courses and training of the Ministry of Education (MOE) and volunteered to participate in the study. The results found that teachers who participated in the study had a source of knowledge about the development of preschool children through courses, training and experience. Study participants have been practicing existing knowledge in the implementation of teaching and learning in the classroom. Teachers can also perform knowledge coincide with the objectives of preschool education. Insights data generating Preschool Teacher's Knowledge Model proposed to the District Education Office (PPD), the State Education Department (JPN), Ministry of Education (MOE), the private sector, teachers, and parents in order to attempt the education of children in preschool. Keywords: Islamic education teacher; ummah civilization; preschool; child development .

## REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ' allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63.
- Abdul Syukor Hashim, Hamimah Hashim, & Siti Zuraida Maaruf. (2007). Korelasi Antara Lukisan Figura dan Perkembangan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah. *Universiti Teknologi MARA*.
- Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh, & Zamri Mahamod. (2013). Pemahaman Guru dan Isu tentang Pendekatan Belajar Melalui Bermain bagi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. In *International Conference on Early Childhood Education 9-11 September 2013*. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, & Zuhaimy Ismail. (2012). *Teknik Berkesan Mendidik Anak*. Penerbit UTM Press, Johor Bahru.
- Blankson, A. N., Brien, M. O., Leerkes, E. M., Marcovitch, S., Calkins, S. D., & Weaver, J. M. (2013). Developmental Dynamics of Emotion and Cognition Processes in Preschoolers. *Child Development*, 84(1), 346–360. doi:10.1111/j.1467-8624.2012.01841.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications. Creswell, J. W. (2012). *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Forth Edition. Pearson Education, US. Department of Community Service. (2002). *A Basic Introduction to Child Development Theories. Curriculum Framework for Children's Services*. Retrieved from [http://www.google.com/url?q=http://www.jubilee-centre.org/uploaded/files/Biblical\\_Perspectives\\_on\\_Health\\_and\\_Healthcare.pdf&sa=D&sntz=1&usq=AFQjCNGJsZfj8AVo7Mc2TX414n3CgArXVQ\http://ebooks.cambridge.org/ref/id/CBO9780511489099\http://www.jstor](http://www.google.com/url?q=http://www.jubilee-centre.org/uploaded/files/Biblical_Perspectives_on_Health_and_Healthcare.pdf&sa=D&sntz=1&usq=AFQjCNGJsZfj8AVo7Mc2TX414n3CgArXVQ\http://ebooks.cambridge.org/ref/id/CBO9780511489099\http://www.jstor)
- Faridah Che Husain, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2006). Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290–306.
- Fern, N. P., & Jiar, Y. K. (2014). Preschool Teachers' Beliefs and Practices on Early Literacy Instruction. *Sains Humanika*, 2(4), 139–146. Retrieved from <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/481>
- Halstead, J. . M. (2004). An Islamic Concept of Education. *Comparative Education*, 40(4), 517–529.
- Hasan Langgulung. (1981). *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Hashim, S., & Yusof Boon. (2008). *Psikologi Perkembangan (Pertama)*. UTM, Johor Bahru.
- Kamaruddin Husin. (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Ed.). Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.
- L. Alan Sroufe, Cooper, R. G., DeHart, G. B., & Marshall, M. E. (1996). *Child Development Its Nature and Course Third Edition*. L. Alan Sroufe, Robert G. Cooper, Ganie B. DeHart, Mary E. Marshall. McGraw-Hill, USA.
- Mariani Md Nor. (2006). Realiti Trend dan Isu dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Masalah Pendidikan*, 81–90.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. John Wiley & Sons, Inc, San Francisco.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2003). *Pengajian Islam*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Hashim, & Yahya Che Lah. (2007). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd, Batu Caves.
- Rohaty Mohd Majzub, & Salasiah Hashim. (2011). Preschool Teachers' Multicultural Teaching Competencies in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 36–39.
- Rohaty Mohd Majzub, & Shafie Mohd. Nor. (2005). Simptom Disleksia Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 30, 3–19.
- Rohaty Mohd. Majzub, & Abu Bakar Nordin. (1989). *Pendidikan Prasekolah*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Rosnani Hashim. (2001). Kurikulum Pendidikan dari Perspektif Islam dalam Konteks Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), 9–26. Retrieved from ISSN 0127-5153
- Saturia Amiruddin, Sombuling, A., & Kiong, P. V. S. (2014). Penilaian Kesiediaan Ke Sekolah Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Penyesuaian di Sekolah. In *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014* (pp. 1–8). Fakulti Psikologi dan Pendidikan.
- Shahida Hassim, Tee, C. C., Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas, & Hamizatun Akmal Md Yusof. (2013). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa The Emotional Intelligence Development of Pre-Schoolers with Hearing Difficulties. *Akademika*, 82(2), 137–142.
- Sierra, P. G. (2012). Attachment and preschool teacher: An opportunity to develop a secure base. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 4(1), 1– 16.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research Design and Methods Fourth Edition*. 4th Edition. SAGE Publication, California.

## Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Prasekolah dalam Rangka Pembangunan Tamadun Ummah

Sofiah Mohamed\*, Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: sofiah9@live.utm.my

### Abstract

This aim of the research to explore the knowledge of Islamic education preschool teacher's about the development of preschool children and to determine the implementation of that knowledge in teaching and learning. This study is a qualitative case study approach with the main instrument is observation methods. These observation data triangulate with interviews and document analysis data. Selection of study participants using purposeful sampling aimed those who experienced the pre-school teaching for more than three years, have participated in courses and training of the Ministry of Education (MOE) and volunteered to participate in the study. The results found that teachers who participated in the study had a source of knowledge about the development of preschool children through courses, training and experience. Study participants have been practicing existing knowledge in the implementation of teaching and learning in the classroom. Teachers can also perform knowledge coincide with the objectives of preschool education. Insights data generating Preschool Teacher's Knowledge Model proposed to the District Education Office (PPD), the State Education Department (JPN), Ministry of Education (MOE), the private sector, teachers, and parents in order to attempt the education of children in preschool.

**Keywords:** Islamic education teacher; ummah civilization; preschool; child development

### Abstrak

Kajian ini bertujuan meneroka pengetahuan guru Pendidikan Islam prasekolah mengenai perkembangan kanak-kanak prasekolah dan mengenal pasti cara pelaksanaan pengetahuan tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan teknik pengumpulan data utama kaedah pemerhatian. Data pemerhatian ini pula ditriangulasikan dengan data temu bual dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian menggunakan pensampelan bertujuan dengan ciri pemilihan mereka yang berpengalaman mengajar prasekolah melebihi tiga tahun, telah mengikuti kursus dan latihan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan bersedia secara sukarela untuk menjadi peserta kajian. Hasil dapatan mendapati bahawa peserta kajian mendapat sumber pengetahuan mengenai perkembangan kanak-kanak prasekolah melalui kursus, latihan dan pengalaman. Mereka telah mempraktikkan pengetahuan yang ada dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Peserta kajian juga dapat melaksanakan pengetahuannya bertepatan dengan tujuan pendidikan prasekolah. Dapatan data menghasilkan Model Pengetahuan Guru Prasekolah yang dicadangkan kepada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Badan Swasta, guru-guru, dan ibu bapa dalam rangka usaha pendidikan kanak-kanak di prasekolah.

**Kata Kunci:** Guru pendidikan islam; tamadun ummah; prasekolah; perkembangan kanak-kanak

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENGENALAN

Guru merupakan tunggak kepada pendidikan ummah, sebagai *role model* dan agen perubahan (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Peranan guru di sekolah sebagai penerusan usaha mendidik perlu dimantapkan dengan ilmu dan kemahiran (Mariani Md Nor, 2006). Walaupun ibu bapa merupakan insan utama memulakan dan membantu perkembangan kanak-kanak (Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2007; Satoria Amiruddin, Sombuling, & Kiong, 2014; Fern & Jiar, 2014) namun guru dan institusi pendidikan telah diletak sepenuh kepercayaan oleh masyarakat untuk memperkembangkan potensi individu murid (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Menurut Ahmad (2003) asas kepada perkembangan manusia adalah al-Quran dan Sunah Nabi SAW. Shahrin Hashim & Yusof Boon (2008) menyatakan bahawa perkembangan setiap individu adalah unik dan berperingkat. Walaupun perkembangan mereka sama tetapi mengikut kadar yang berlainan antara satu sama lain berdasarkan faktor keturunan, persekitaran, pendidikan dan pemakanan. Pakar psikologi telah mengakui bahawa tiada individu yang mempunyai kadar perkembangan yang sama (Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh, & Zamri Mahamod, 2013; Atan Long, 1984; Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, & Zuhaimy Ismail, 2012; Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2007).

### Perkembangan Murid

Pengetahuan guru mengenai perkembangan murid sangat penting bagi menyediakan persediaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sesuai dan menepati. Mengikut Hasan Langgulung (1981), sifat dan potensi manusia menurut al-Quran dan Hadis dinamakan fitrah. Ilmu

ini disebut sebagai psikologi pendidikan atau psikologi perkembangan. Perkataan psikologi berasal dari bahasa Yunani *Psycho* bermakna jiwa dan *logi* adalah ilmu. Oleh hal yang demikian, psikologi bermaksud ilmu jiwa. Sedangkan menurut ahli fikir Islam, ilmu ini berkaitan dengan akidah seseorang Muslim.

Psikologi pendidikan diperlukan oleh guru khususnya sebagai pengetahuan mengenai tingkah laku kanak-kanak bagi mencapai kesan yang baik dalam P&P. Menurut Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2007) dan Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, & Zuhaimy Ismail (2012), guru yang berpengetahuan mengenai perkembangan kanak-kanak boleh memahami tingkah laku sedia ada serta tingkah laku yang dijangka. Guru juga dapat bersedia dari segala segi bilik darjah, alat bantu mengajar, pendekatan, dan teknik mengajar. Guru dapat memahami bahawa perkembangan fizikal, mental, dan emosi kanak-kanak adalah berbeza antara satu sama lain iaitu terdapat kanak-kanak yang lebih baik perkembangan dalam sesuatu bidang namun lemah di bidang lain. Perkembangan kanak-kanak juga mengikut bentuk yang dapat dijangka. Oleh itu hal ini sudah tentu memudahkan persediaan P&P dan pengawalan disiplin di dalam bilik darjah.

### Sumber Dan Teori Perkembangan Potensi Menurut Islam Dan Barat

Menurut Hasan Langgulung (1981) yang menyatakan pandangan Dr. Sa'id Ismail Ali, terdapat enam sumber Pendidikan Islam iaitu Al-Quran, al-Sunah, kata-kata sahabat, kemaslahatan masyarakat, nilai masyarakat dan pemikir Islam. Pengetahuan mengenai perkembangan murid prasekolah lebih bermakna dengan mendalami pendapat pemikir Islam dan teori barat. Ahli pemikir Islam seperti al-Farabi (874-950), Ibnu Sina (980-1037), Abu Hassan al-Mawardi (974-1058), Al-Ghazali (1058-1111), Ibn Tuffail (1185) dan Ibnu Khaldun (1332-1406) banyak membicarakan mengenai perkembangan potensi manusia (Hasan Langgulung, 1981). Al-Farabi berpendapat bahawa jiwa adalah tonggak utama dan elemen lain muncul berdasarkan kehendak jiwa. Kesempurnaan manusia pula perlu ditambah dengan sosial kerana potensi manusia tidak mampu berkembang sendirian. Ibnu Sina berpendapat bahawa tindakan manusia melalui perasaan iaitu elemen batin mendorong berlakunya perbuatan nyata. Perbuatan manusia pula mempengaruhi rohani seseorang. Al-Mawardi pula menyatakan jiwa terdiri dari akhlak yang bersifat naluri dan dipelajari serta dari akal, pendapat dan hawa nafsu. Pendapat al-Ghazali pula bahawa tingkah laku seseorang bergantung pada tanggapan, pengetahuan, kecenderungan, minat serta keadaan emosi. Ilmu wahyu dan kefahaman akidah merupakan dua perkara yang penting (Halstead, 2004). Ibnu Tuffail pula berpendapat bahawa benih perkembangan potensi manusia wujud semenjak lahir dan pengaruh alam sekitar mampu memberi kesan kepada perkembangan potensi seseorang. Perbincangan terakhir mengenai pemikir Islam iaitu Ibnu Khaldun. Beliau berpendapat bahawa pengaruh perkembangan potensi sesuatu bangsa bukan diwarisi sebaliknya dipelajari, diperteguhkan dengan pengukuhan dan dijadikan sebagai rutin.

Mengenai teori ahli psikologi Barat pula, telah dikemukakan oleh beberapa orang ahli psikologi antaranya Teori Perkembangan Arnold Gesell. Arnold Gesell (1880-1961) mengumpamakan kanak-kanak seperti tumbuh-tumbuhan (Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2007). Menurut beliau perlakuan individu boleh diramal kerana tingkah laku berkembang mengikut jadual masa yang tetap. Faktor baka adalah penyebab utama perkembangan kanak-kanak selain faktor persekitaran dan kebudayaan. Setiap kanak-kanak berkembang dengan cara perkembangan mereka yang tersendiri. Perkembangan ini pula secara natural dan unik (Kamaruddin Husin, 1996). Hal ini demikian menyebabkan setiap kanak-kanak memiliki perbezaan diri yang harus diketahui oleh setiap pendidik. Pada usia prasekolah antara empat hingga enam tahun, kanak-kanak mula bersosial, mampu mengemukakan soalan, boleh membezakan perkara yang betul atau salah dan berupaya mendengar pendapat orang lain (Department of Community Service, 2002).

Perbincangan seterusnya mengenai Teori Perkembangan Jean Piaget yang terkenal dengan perkembangan kognitif. Jean Piaget (1896-1980) telah menjalankan penyelidikan melalui pemerhatian terhadap anak-anak beliau dan kanak-kanak lain. Pemerhatian dilakukan dari aspek struktur, tingkah laku, kecerdasan, penaakulan, pemikiran, dan kematangan intelek. Pada usia dua hingga tujuh tahun, perkembangan deria motor beralih kepada perkembangan mental. Penggunaan simbol sebagai mewakili objek di sekeliling mereka. Dalam usia ini juga kanak-kanak mula bertutur dan bersifat egosentrik. Mereka melakukan sesuatu mengikut kehendak sendiri dan merasakan bahawa orang lain sependapat dengan mereka. Bagi Piaget, kanak-kanak membina pengetahuan dalam diri sendiri dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan semula jadi (Department of Community Service, 2002).

Teori Perkembangan Sigmund Freud (1856- 1939) pula menyatakan bahawa kanak-kanak perlu mendapat keperluan asas yang mencukupi bagi perkembangan ke usia seterusnya. Kepincangan kepada keperluan ini menyebabkan pergaulan dengan masyarakat menghadapi masalah. Beliau membahagikan konsep struktur personaliti kepada id, ego dan superego. Id merupakan personaliti bawah sedar, Ego sebagai pengawal Id supaya tidak melanggar nilai dan norma masyarakat. Manakala superego pula merupakan personaliti yang bermoral. Jadi, superego memberi maklumat nilai moral kepada ego untuk mengawal id. Proses perkembangan peringkat usia antara empat hingga enam tahun, kanak-kanak merasa keseronokan terhadap organ jantannya. Oleh itu kanak-kanak lelaki lebih mendekati ibunya dan perempuan pula kepada bapanya (Kamaruddin Husin, 1996).

Teori Perkembangan Erik Erikson (1902-1994) lebih berfokus kepada perkembangan sosioemosi, beliau berpendapat mengenai usia tiga hingga enam tahun pula, kanak-kanak ingin meneroka perkara yang baru dan mencabar serta mula berdikari pada usia ini. Oleh itu mereka memerlukan galakan agar potensi mereka dapat dicungkil dan diteruskan (L. Alan Sroufe, Cooper, DeHart, & Marshall, 1996). Melalui pengetahuan mengenai teori perkembangan ini, guru lebih memahami tingkah laku murid, dapat membuat persediaan P&P dengan lebih tersusun dan kreatif serta dapat mengawal disiplin dengan sebaiknya. Akhirnya segala objektif dapat dicapai bagi melahirkan generasi yang gemilang dan cemerlang.

## ■ 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kurikulum Standard Prasekolah 2010 (KSPK), menekankan mengenai perkembangan kanak-kanak melalui enam Tunjang Pembelajaran iaitu perkembangan bahasa, perkembangan rohani, perkembangan sosial, perkembangan kognitif, Perkembangan fizikal dengan kemahiran motor kasar dan motor halus serta perkembangan kreativiti dan akhirnya perkembangan sosio emosi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), tahap pembelajaran dan proses perkembangan murid merupakan faktor utama nilai kejayaan sesuatu sistem pendidikan. Berdasarkan kepada falsafah pendidikan negara (FPN), KPM menumpukan perkembangan intelek, rohani, emosi, dan fizikal murid-murid. Oleh itu KPM memastikan guru-guru mengamalkan P&P berpusatkan murid, dapat memenuhi keperluan murid yang berbeza kerana kualiti guru adalah penyebab utama kejayaan murid. Menurut dapatan kajian Ab. Halim

Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi (2012) bahawa pengetahuan, personaliti dan kemahiran adalah tiga kualiti guru Pendidikan Islam yang penting.

Kajian terhadap pengajaran guru oleh Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 mendapati bahawa hanya 12% daripada pengajaran melaksanakan lebih banyak amalan terbaik pedagogi iaitu menyampaikan ilmu pada standard yang tinggi, 38% pula berada pada standard yang memuaskan. manakala 50% menunjukkan bahawa pengajaran yang disampaikan tidak memuaskan. Oleh itu usaha perlu dilipat gandakan bagi meningkatkan kemahiran pedagogi guru agar pengetahuan dan kemahiran baharu yang dihasratkan dapat disampaikan kepada murid. Abdullah Ishak (1995) menegaskan antara matlamat Pendidikan Islam ialah untuk mengembangkan rohani dan jasmani bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006) seterusnya menjelaskan hal ini bahawa kefahaman guru mengenai perkembangan manusia merupakan perkara penting dalam pendidikan khususnya pendidikan akhlak.

Berdasarkan kehendak KPM, hasil kajian AKEPT 2011 dan pendapat ahli pendidikan, pengkaji mendapati keperluan mendesak untuk semua guru memahami dengan mendalam mengenai psikologi pendidikan dan pedagogi pengajaran agar matlamat pendidikan Islam dapat dicapai mengikut acuan al-Quran dan al-Sunah.

### ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- 3.1 Meneroka pengetahuan guru prasekolah mengenai perkembangan kanak-kanak prasekolah
- 3.2 Mengenal pasti cara pelaksanaan pengetahuan tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran.

### ■4.0 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan kajian iaitu:

- 4.1 Apakah pengetahuan guru prasekolah mengenai perkembangan kanak-kanak prasekolah?
- 4.2 Bagaimanakah cara pelaksanaan pengetahuan tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran?

### ■5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kajian kes yang menggunakan teknik pengutipan data, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Menurut Yin (1994) kajian kes adalah satu penyelidikan yang mengkaji fenomena yang terjadi dalam suasana sebenar, terutama bila terdapat jurang antara fenomena dan konteks yang tidak mempunyai bukti yang kurang jelas. Creswell (2012) pula menyatakan bahawa kajian kes lebih menumpukan kepada program, peristiwa, sesuatu keistimewaan kumpulan, budaya, individu serta lebih menumpukan kepada penerokaan mendalam kes sebenar. Oleh hal yang demikian, penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes membolehkan pengkaji menyelidik, memerhati dan meneliti sesuatu peristiwa serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di persekitaran sebenar, iaitu di bilik darjah pra sekolah seperti dalam kajian ini.

Kes yang dipilih dalam kajian ini adalah berkaitan dengan pengetahuan guru Pendidikan Islam mengenai perkembangan murid prasekolah dan pelaksanaan pengetahuan tersebut di bilik darjah. Sebuah prasekolah swasta dan prasekolah kerajaan dipilih sebagai tempat kajian dan seorang guru di kedua-dua sekolah dipilih sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan dengan kriteria yang ditetapkan, iaitu guru pernah mengajar di prasekolah melebihi tiga tahun, mempunyai pendidikan khusus dalam bidang perguruan atau mempunyai diploma pendidikan awal kanak-kanak. Tujuan pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah kerana kaedah ini merupakan kaedah yang paling sesuai dengan kajian kualitatif (Creswell, 2012).

Pengumpulan data dilaksanakan melalui teknik pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Data pemerhatian ditriangulasi dengan data temu bual dan dokumen analisis untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Menurut Marohaini Yusoff (2001), penggunaan teknik pengumpulan data yang pelbagai dapat menguatkan kesahan sesuatu kajian yang dilaksanakan. Selain itu Creswell (2003) pula berpendapat bahawa teknik pengumpulan data secara kualitatif dianggap sesuai kerana peristiwa, aktiviti dan proses sesuatu kajian dapat dibuat secara mendalam. Data temu bual telah direkodkan menggunakan alat perakam suara, data pemerhatian pula dirakam menggunakan kamera video dan bukti dokumen di ambil gambar menggunakan kamera atau diperolehi daripada peserta kajian.

Dokumen sebagai sumber data yang ketiga pentingnya dalam penyelidikan kualitatif (Merriam, 1998). Dokumen merujuk kepada apa sahaja bahan bertulis yang mengandungi maklumat mengenai sesuatu perkara, peristiwa, ataupun fenomena. Data dokumen boleh didapati daripada pelbagai sumber termasuk surat, memorandum, kenyataan rasmi seperti agenda, pengumuman, minit mesyuarat, laporan bertulis tentang sesuatu acara, dokumen pentadbiran seperti cadangan, laporan kemajuan, dokumen dalaman dan juga bahan yang tersiar dalam media massa.

Data telah melalui proses transkripsi serta dianalisis menggunakan Nvivo 7 untuk menghasilkan tema, subtema, dan sub-subtema.

### ■6.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Pengkaji menganalisis data berdasarkan kriteria pelaksanaan aktiviti P&P yang digunakan peserta kajian dalam pengajaran Pendidikan Islam KSPK. Strategi, pendekatan, kaedah dan teknik guru Pendidikan Islam diambil kira semasa pemerhatian. Pengkaji berpandukan kepada teori P&P yang disenaraikan dalam senarai semak pemerhatian. Seterusnya pengkaji menemu bual peserta kajian berdasarkan pemerhatian P&P sebelumnya dan berdasarkan protokol temu bual yang disediakan. Segala perkara yang kurang jelas sewaktu pemerhatian, pengkaji mendapat penjelasan semasa temu bual. Pengkaji dapat bertanya penjelasan lanjut mengenai perlakuan guru dan

murid serta isi kandungan yang diajar. Selain itu, pengkaji juga meneliti dokumen seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH), dokumen kurikulum serta modul Pendidikan Islam KSPK, buku-buku aktiviti dan buku-buku berkenaan dengan Pendidikan Islam prasekolah. Dapatan kajian ini dibincangkan mengikut objektif kajian.

### Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah Mengenai Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah

Berikut merupakan latarbelakang peserta kajian:

Jadual 1 Latarbelakang peserta kajian

Prasekolah	Peserta Kajian	Kelulusan	Tahun Pengalaman
Tadika Swasta	A	Diploma Early Childhood Teaching	7 Tahun
Prasekolah Sekolah Rendah Kerajaan	B	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah	3 Tahun

Kajian ini mendapati kursus, pengalaman serta minat yang mendalam terhadap kanak-kanak menyumbang pengetahuan luas mengenai perkembangan murid prasekolah. Sumber pengetahuan beliau bersumberkan ilmunya dari universiti serta dari pengalaman sendiri.

*“Saya ada diploma in Early Childhood Teaching daripada Singapore, sebab saya ada dua diploma jadi saya tak perlu ambil degree saya terus ambil master. Diploma yang satu lagi diploma pentadbiran perniagaan so saya boleh mentadbir lah alhamdulillah lah memang rezeki saya di situ. Sebab tu saya ambil master pun, saya pengkhususan dalam prasekolah sebab memang banyak nak study budak-budak ni memang interesting sangat. Kalau kita tengok sorang sorang punya karakter memang interesting sangat sebab tu saya minat specialization dekat prasekolah lah, dengan kurikulum dia, dengan karakter budak, dengan psikologi dia, cara dia berfikir, tu haa.. memang interestinglah nak study.”*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Peserta kajian B pula mendapat pengetahuan mengenai perkembangan kanak-kanak melalui Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dari Institut Pendidikan Guru. Beliau memperolehinya menerusi latihan mengajar yang digelar latihan Praktikum dan melalui Kursus Mikro Teaching. Beliau juga mendapat ilmu pendidikannya melalui perkongsian ilmu dengan guru-guru Pendidikan Islam lain sewaktu Praktikum. Pengalaman mengajar sejak mula mengajar juga memberikan beliau pengalaman berhadapan dengan kanak-kanak.

*“Kursus KPLI, kursus mikro teaching tu lah, dapat pengalaman dari sekolah, tengok GPI (Guru Pendidikan Islam) mengajar kan”.*

(TB1/GPSKR2/21012015)

Pengetahuan peserta kajian A mengenai perkembangan kanak-kanak yang didapati dari pembelajarannya dijelaskan melalui kata-katanya

*“Perkembangan kalau kita ikut sini JERIS. Kalau tempat saya belajar physical development, intellect development, emosi development, social development dan spiritual development”.*

(TB2/GPSSR1/09022015)

Peserta kajian A mempunyai pengetahuan mendalam dari aspek fizikal, sosial, emosi, bahasa dan kognitif kanak-kanak berdasarkan ilmu yang dipelajarinya. Begitu juga pernyataannya mengenai pendidikan kanak-kanak

*“Masalahnya bila orang cakap prasekolah ala cikgu prasekolah ajar ABC je ajar 123 je senang je, but is more to that definitely more than that, sebab kita kena belajar psikologi dia, dia punya kognitif thinking macam mana dia punya development dia macam mana, kenapa dia jadi macam gini, kenapa dia umur enam tahun pun masih pelat lagi, banyaklah masalah banyak kena kaji”*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Beliau menjelaskan mengenai peranan guru di prasekolah antaranya perlu memahami psikologi kanak-kanak, mengetahui tahap intelektual kanak-kanak, perkembangan intelektual, jasmani dan emosi kanak-kanak.

*“Budak prasekolah ni masih kecil lah kan, dia punya aras pun rendah, cakap pun kena banyak puji sikit”*

(TB1/GPSKR2/21012015)

Peserta kajian B juga didapati memahami perkembangan murid-murid prasekolah serta pendekatan dan teknik P&P di dalam bilik darjah.

*“Ya setiap minggu lah ada nasyid dan lain-lain untuk bagi menarik, kita memang ada aktiviti, nanti dia boring, ni nak tarik minat”.*

(TB1/GPSKR2/21012015)

Perkembangan intelek, sosial, emosi dan fizikal juga mempunyai kaitan antara satu sama lain. Begitu juga berkenaan dengan perkembangan emosi. Peserta kajian A memahami bahawa perkembangan kognitif juga berkaitan dengan emosi dan motivasi. Beliau tidak memaksa murid yang tidak boleh membaca seperti katanya,

*“Tu pun kita tak push sangat budak yang belum developed yang belum masa dia untuk membaca kita tak push sangat. Takut nanti kita push sangat.. dia akan switch off budak ni walau cikgu stress-stress cikgu marah-marah marah nanti dia akan switch off nanti. sampai bila-bila dia malas nak buka buku malas membaca aku baca asyik salah je dia dapat negatif impact kat dalam psikologi dia kan dia akan matilah dia akan switch off”.*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Peserta Kajian A menyatakan bahawa perkembangan setiap murid adalah berbeza. Oleh itu guru perlu mengenali cara pembelajaran dan kemampuan kognitif serta emosi setiap murid. Mengajar murid-murid prasekolah juga perlu tenang dan bukan dengan cara paksaan. Paksaan boleh menyebabkan kesan negatif kepada perkembangan kanak-kanak. Guru juga memahami perkembangan kanak-kanak yang berbeza di antara satu sama lain mengikut tahap usia dan kemampuan masing-masing

*“Cikgu kena laju juga nak mengajar tu pun kita bukan boleh setengah jam nak celoteh kat depan whiteboard tak boleh tahan dalam sepuluh minit kita terangkan...kalau empat tahun, jadi cara belajar tu dalam masa 5 minit diulang-ulang jadi dia boleh dapatlah apa yang kita ajar tu. Lima tahun dia dah besar sikit dah dia dah boleh tulis nama, tinggal bunyi je kalau lima tahun, bezanya kalau empat tahun kita kenal pengenalan ABC dan 123 sahaja kalau lima tahun ha ABC kita kenalkan lagi dan masukkan bunyi sekali sebab tu enam tahun kita mengajar dah kenal bunyi kita dah boleh ngajar membaca, macam tu lah step empat, lima dan enam tahun di sini”.*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Selain aspek kognitif yang berkaitan dengan emosi, aspek perkembangan fizikal juga seperti motor kasar diambil perhatian oleh peserta kajian. Ini kerana perkembangan fizikal yang sihat mempunyai peranan besar membina perkembangan kognitif yang sempurna. Dalam kes ini perkembangan aspek fizikal memberi kesan kepada perkembangan kognitif, emosi dan sosial.

*‘Insy Allah nanti dia boleh dengar bunyi dari situ Insya Allah nanti dia boleh membaca juga slowly sebab dia ada masalah pendengaran. Lagi satu mata takut disleksia, kenapa budak tu lemah.’*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Mengenai masalah disleksia dalam kalangan murid prasekolah, Rohaty Mohd Majzub & Shafie Mohd. Nor (2005) mencadangkan supaya dibuat pengesanan simptom secara menyeluruh ke atas kanak-kanak. Perkara ini akan dapat memberikan impak positif untuk penyediaan P&P yang bersesuaian.

### **Mengenal Pasti Cara Pelaksanaan Pengetahuan Tersebut Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Sebelum menemu bual peserta-peserta kajian, pengkaji terlebih dahulu membuat pemerhatian ke atas pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berlaku di bilik darjah. Pelaksanaan P&P dengan mengamalkan ilmu yang telah diperoleh dibantu oleh pengalaman mengajar sebelum ini memberi kesan positif kepada perkembangan murid-murid prasekolah.

Melalui sesi pemerhatian guru didapati memahami fitrah dan keperluan murid. Sebelum memulakan P&P peserta kajian B meminta murid-murid duduk dengan selesa dan mengajak murid-murid dengan arahan yang jelas dan mudah difahami untuk menadahkan tangan dan berdoa bersama-sama. Beliau menyatakan kepada murid-muridnya

*“Ok duduk dengan selesa ya” Ok tadah tangan, ikut ustazah, tadah tangan, kita baca doa belajar dah tahu kan? Sama-sama, ustazah nak baca sama-sama, boleh? Ok, satu, dua , tiga, bismillahirrahmanirrahim...”*

(PM1/GPSKR2)

Jiwa murid-murid prasekolah lembut dan mudah dididik dengan cara lemah-lembut. Suara guru sangat menyenangkan murid-murid prasekolah khususnya tanpa ugutan dan kekerasan. Murid-murid dilihat seronok dan riang mengikuti setiap langkah P&P yang bermula dengan set induksi.

Peserta kajian A juga memulakan P&P dengan bacaan doa bersama-sama murid. Selepas itu guru mengarahkan semua murid duduk berbaris mengulang kaji buku Iqra’ sebelum guru memanggil nama mereka seorang demi seorang untuk membaca di hadapan guru. Murid-murid yang selesai membaca Iqra’, diarahkan ke sudut bacaan di kelas tersebut untuk membaca sebarang buku. Pendekatan seperti ini adalah mengikut pencapaian dan tahap kemampuan murid secara individu. Murid lebih dekat dengan guru dan guru dapat membimbing murid secara berfokus (KL2/PM2/GPSSR1).

Guru tidak mengambil masa lama untuk menyampaikan ilmu pada setiap sesi, masa selebihnya murid-murid diajar secara individu mengikut tahap kognitif masing-masing. Apabila ditanya dalam sesi temu bual, peserta kajian A menjelaskan,

*Cikgu kena laju juga nak mengajar tu pun kita tak boleh setengah jam nak celoteh depan whiteboard, tak boleh tahan dalam sepuluh minit kita terangkan yang ni A aaa yang ni lah dalam masa 10 minit tu A aa Aaa Abu aaaa dalam 10 minit tapi rutin tu nak kena over and over again everyday sekejap je, kalau empat tahun jadi cara belajar tu dalam masa 5 minit tapi nak diulang-ulang jadi dia boleh dapatlah apa yang kita ajar tu. Lima tahun dia dah besar sikit dah dia dah boleh tulis nama tinggal ABC dengan bunyi je kalau lima tahun beza dia kalau empat tahun kita kenal pengenalan ABC dan 123 sahaja kalau lima tahun ha ABC kita kenalkan lagi dan masukkan bunyi sekali sebab tu enam tahun kita mengajar dia dah kenal bunyi kita dah boleh mengajar membaca, macam tu lah step empat, lima dan enam tahun di sini. Enam tahun dia dah kenal huruf, dah kenal bunyi kita tinggal ajar dia macam mana nak sambungkan konsonan dengan vokal...konsonan dengan vokal macam tu, so macam tu lah kita ajar dia orang membaca. By the end of six years old Insya Allah kalau di sinilah dia orang dah boleh mengaji, dia orang dah boleh membaca Bahasa Melayu dan Bahasa*

*Inggeris...tiga ni je lah.. Kita fokus tadika sini. Itu pun kita tak push sangat budak yang belum developed yang belum masa dia untuk membaca kita tak push sangat. Takut nanti kita push sangat.. dia akan switch off budak ni.*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Melalui pemerhatian dan seterusnya temu bual, pengkaji dapat merumuskan bahawa guru bukan sahaja memahami mengenai perkembangan murid, tetapi beliau juga melaksanakan mengikut pengetahuan dan ilmunya. Dapatan ini selari dengan kenyataan Department of Community Service (2002), bahawa teori atau ilmu yang ada boleh membantu guru dalam P&P, tetapi kurang berkesan jika guru tidak mempunyai pengetahuan mengenai tingkah laku, kebolehan dan personaliti anda setiap kanak-kanak. Mengenai perkembangan murid yang berbeza Abdul Syukor Hashim, Hamimah Hashim, & Siti Zuraida Maaruf (2007), juga berpendapat setiap kanak-kanak mempunyai gaya pembelajaran masing-masing yang berbeza. Begitu juga dengan minat, keperluan dan motivasi mereka berbeza. Jadi menjadi keperluan guru untuk mengetahui setiap perkembangan dan perbezaan murid-murid. Dapatan ini juga bersesuaian dengan pendapat Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) bahawa guru hendaklah prihatin terhadap kemampuan muridnya menerima ilmu. Pengetahuan dan pelaksanaan guru ini juga bertepatan dengan teori Piaget yang berpendapat bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak berperingkat dan mengikut persekitarannya (Rohaty Mohd. Majzub & Abu Bakar Nordin, 1989).

Kajian ini juga mendapati bahawa perkembangan kelima-lima aspek ini berkaitan antara satu sama lain contohnya seorang murid didapati mempunyai masalah untuk membaca iaitu aspek bahasa dan kognitif.

*Saya rasa pendengaran dia sebab dia 40% je, walaupun kita tunjukkan gambar tunjukkan apa tapi bunyi-bunyi yang sekeliling ni akan masuk berdengung-berdengung, kita tak tau kan kita tak mengalaminya. Budak tu je, budak ni akan selalu frust sebab apa bila kawan cakap dia tak dengar, jadi dia ingat kawan tak nak kawan dengan dia, setiap hari dia marah every day angry feeling. Every day dia mesti nak attack orang. Saya tak salahkan dia sebab kita observe, dia tak dengar...jadi dia frust ingat kawan tu tak berbual dengan dia. Jadi dia marah, mak dia kata aah lah cikgu memang betul-tullah. Saya cakap kat mak dia boleh tak dia pakai hearing aid kalau pergi sekolah pakai hearing aid Insya Allah dia boleh dapat sebab hearing aid dia direct kan bunyi-bunyi yang lain-lain semua tak masuk tu saya suggest mak dia, kalau nak betul-betul nak mengajar dia membaca kat rumah guna ear phone. Ear phone dengan saya bagilah satu web page tu. Dia dengan komputer tu cocok telinga tu haa itu aje Insya Allah nanti dia boleh dengar bunyi dari situ Insya Allah nanti dia boleh membaca juga slowly sebab dia ada masalah pendengaran.*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Peserta kajian A menjelaskan mengenai salah seorang muridnya yang mempunyai masalah ini didapati berpunca dari aspek fizikal yang kurang pendengaran, jadi emosinya kurang stabil, murid ini mudah marah dan kesannya juga murid ini lambat membaca. Dapatan ini selari dengan kajian Shahida, Tee, Rosadah, Zalizan, & Hamizatun Akmal (2013) yang mendapati bahawa murid yang mempunyai masalah pendengaran lemah dalam mengurus emosi sendiri dan lemah dalam hubungan sosial, sukar mematuhi arahan, mengganggu rakan dan kurang memahami peraturan kelas. Mereka sering menampilkan emosi negatif seperti suka menjerit, marah apabila diganggu dan mengamuk apabila keinginan mereka tidak dipenuhi. Mereka tidak mampu mengurus emosi. Oleh hal yang demikian menurut Rohaty Mohd Majzub & Salasiah Hashim (2011) guru bukan hanya bertanggungjawab memberi ilmu tetapi juga perlu memperkembangkan potensi sosial murid. Seterusnya kajian Blankson et al., (2013) mendapati bahawa kesemua aspek berkaitan antara satu sama lain.

Apabila guru memahami keadaan seperti ini maka murid ini tidak diabaikan dan dapat dibantu. Setelah mengesan masalah ini, guru mencadangkan ibunya membawa anaknya berjumpa dengan pakar kanak-kanak dan ternyata kanak-kanak ini kurang pendengaran. Selain itu perkembangan kognitif dan bahasa murid seperti lambat membaca juga disebabkan oleh latar belakang keluarga dan persekitaran. Peserta kajian menyatakan

*Lagi satu mata takut disleksia, kenapa budak tu lemah. Lagi satu tengok back ground kadang dia balik dia pergi rumah pengasuh, dia tinggal letak beg rumah nenek, dia balik rumah buku tak terbuka, bila esok kita mengajar lagi, dia lupa, sebab program membaca ni tiap-tiap hari, sampailah siapa yang boleh habis, kita tengok budak tu punya tahap sendiri, individual level, haa tak sekali harung.*

(TB1/GPSSR1/03122015)


Peserta kajian dilihat memahami penyebab kepada perkembangan murid-muridnya. Lantaran itu beliau berusaha mengajar mengikut kemampuan murid kerana semua murid berbeza dari segala segi.

*Kita nak kena observe...kita nak kena perhatikan dia orang kita nak kena buat assessment, dia jenis slow, dia boleh main dengan kawan ni, dia tak boleh main dengan yang ni...yang dia dia belum boleh share...yang ni dah boleh share...nak kena tengok tahap lah...macam yang dah enam tahun ni...dia dah independent sikit dah boleh tinggal dalam kelas...budak empat tahun tak boleh...nanti dia ambik barang...nanti dia baling kawan dia...nak kena kenal sorang sorang...background dia macam mana...kenapa dia slow, orang lain dah ok...dia tak boleh. Nak kena cari informasi dari mak ayah dia...puan...anak puan...macam tu...macam ni...kenapa...kita kena ada interaction dengan parent juga lah...setahun dua kali kita panggil ibu bapa untuk tengok progress anak dia orang...kita tunjukkan progress anak dia orang...masa dia mula-mula masuk kelas...ni tulisan dia tiga bulan kemudian...ni tulisan dia enam bulan kemudian...tengok ada beza tak...mak ayah lah nilai nanti...sama-sama...aah beza anak dia dulu tulisan tak cantik sekarang dah cantik.*

(TB1/GPSSR1/03122015)

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji membina satu Model Pengetahuan Guru mengenai perkembangan murid (lihat Rajah 1) yang diharapkan boleh menjadi panduan kepada guru-guru prasekolah khususnya. Berdasarkan dapatan, guru berpengetahuan mengenai kelima-lima aspek perkembangan murid dan mereka berusaha mengembangkan potensi murid agar seimbang. Kesemua aspek perkembangan murid ini berhubungan antara satu sama lain. Pengetahuan yang disusuli dengan kefahaman serta pelaksanaan yang tersusun dapat memberikan manfaat yang banyak dalam usaha membina Tamadun Umat Islam khususnya.





Rajah 1 Model pengetahuan guru pendidikan islam prasekolah

## 7.0 RUMUSAN

Kajian ini memberi sedikit gambaran mengenai kepentingan pengetahuan guru terhadap kepentingan kanak-kanak prasekolah. Setiap ibu bapa mengharapkan pendidikan formal yang terbaik di sekolah. Bantuan dari pihak guru untuk mendidik anak-anak mereka dengan penuh bertanggungjawab, memahami kerenah anak-anak dan dapat mengawal disiplin mereka memang sentiasa diharapkan oleh ibu bapa. Harapan ibu bapa juga guru-guru dapat mendidik dengan rasa kasih sayang dan menghormati kanak-kanak sebagai seorang manusia. Oleh sebab itu sebagai memenuhi tuntutan tanggungjawab dari pihak pentadbir dan ibu bapa seharusnya guru berpengetahuan mengenai perkembangan murid-murid agar proses P&P dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh hal yang demikian Ab. Halim Tamuri et al., (2012) menyarankan supaya guru Pendidikan Islam sentiasa diberi latihan agar mereka dapat memahami dan menguasai sepenuhnya ilmu Pendidikan Islam.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajahary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ' allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63.
- Abdul Syukor Hashim, Hamimah Hashim, & Siti Zuraida Maaruf. (2007). *Korelasi Antara Lukisan Figura dan Perkembangan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*. Universiti Teknologi MARA.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh, & Zamri Mahamod. (2013). Pemahaman Guru dan Isu tentang Pendekatan Belajar Melalui Bermain bagi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. In *International Conference on Early Childhood Education 9-11 September 2013*. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, & Zuhaimy Ismail. (2012). *Teknik Berkesan Mendidik Anak*. Penerbit UTM Press, Johor Bahru.
- Blankson, A. N., Brien, M. O., Leerkes, E. M., Marcovitch, S., Calkins, S. D., & Weaver, J. M. (2013). Developmental Dynamics of Emotion and Cognition Processes in Preschoolers. *Child Development*, 84(1), 346–360. doi:10.1111/j.1467-8624.2012.01841.x
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Forth Edition. Pearson Education, US.
- Department of Community Service. (2002). A Basic Introduction to Child Development Theories. *Curriculum Framework for Children's Services*. Retrieved from [http://www.google.com/url?q=http://www.jubilee-centre.org/uploaded/files/Biblical Perspectives on Health and Healthcare.pdf&sa=D&sentz=1&usq=AFQjCNGJsZfj8AVo7Mc2TX414n3CgArXVQ\http://ebooks.cambridge.org/ref/id/CBO9780511489099\http://www.jstor](http://www.google.com/url?q=http://www.jubilee-centre.org/uploaded/files/Biblical_Perspectives_on_Health_and_Healthcare.pdf&sa=D&sentz=1&usq=AFQjCNGJsZfj8AVo7Mc2TX414n3CgArXVQ\http://ebooks.cambridge.org/ref/id/CBO9780511489099\http://www.jstor)
- Faridah Che Husain, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2006). Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290–306.
- Fern, N. P., & Jiar, Y. K. (2014). Preschool Teachers' Beliefs and Practices on Early Literacy Instruction. *Sains Humanika*, 2(4), 139–146. Retrieved from <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/481>
- Halstead, J. . M. (2004). An Islamic Concept of Education. *Comparative Education*, 40(4), 517–529.

- Hasan Langgulung. (1981). *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Hashim, S., & Yusof Boon. (2008). *Psikologi Perkembangan (Pertama)*. UTM, Johor Bahru.
- Kamaruddin Husin. (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah*. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Ed.). Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*.
- L. Alan Sroufe, Cooper, R. G., DeHart, G. B., & Marshall, M. E. (1996). *Child Development Its Nature and Course Third Edition* L. Alan Sroufe, Robert G. Cooper, Ganie B. DeHart, Mary E. Marshall. McGraw-Hill, USA.
- Mariani Md Nor. (2006). Realiti Trend dan Isu dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Masalah Pendidikan*, 81-90.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. John Wiley & Sons, Inc, San Francisco.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2003). *Pengajian Islam*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Hashim, & Yahya Che Lah. (2007). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd, Batu Caves.
- Rohaty Mohd Majzub, & Salasih Hashim. (2011). Preschool Teachers' Multicultural Teaching Competencies in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 36-39.
- Rohaty Mohd Majzub, & Shafie Mohd. Nor. (2005). Simptom Disleksia Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 30, 3-19.
- Rohaty Mohd. Majzub, & Abu Bakar Nordin. (1989). *Pendidikan Prasekolah*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Rosnani Hashim. (2001). Kurikulum Pendidikan dari Perspektif Islam dalam Konteks Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), 9-26. Retrieved from ISSN 0127-5153
- Saturia Amiruddin, Sombuling, A., & Kiong, P. V. S. (2014). Penilaian Kesiediaan Ke Sekolah Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Penyesuaian di Sekolah. In *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014* (pp. 1-8). Fakulti Psikologi dan Pendidikan.
- Shahida Hassim, Tee, C. C., Rosadah Abdul Majid, Zalizan Mohd Jelas, & Hamizatun Akmal Md Yusof. (2013). Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran : Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa The Emotional Intelligence Development of Pre-Schoolers with Hearing Difficulties : Implications on Parental Involvement. *Akademika*, 82(2), 137-142.
- Sierra, P. G. (2012). Attachment and preschool teacher: An opportunity to develop a secure base. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 4(1), 1-16.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research Design and Methods Fourth Edition*. 4<sup>th</sup> Edition. SAGE Publication, California.